

**Teks Ucapan Aluan**  
**YB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof**  
**Menteri Kerja Raya**

Sempena Majlis Perasmian Seminar Pembangunan Kontraktor,  
dan Perasmian Pejabat CIDB Cawangan Sandakan serta  
Penyerahan Projek Build Brigade

12 November 2017 (Ahad)

Dewan Sri Libaran,  
Sandakan, Sabah

---

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam  
Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam Sehati Sejiwa.

2. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan berkat kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul pada hari ini Majlis Perasmian Seminar Pembangunan Kontraktor, dan Perasmian Pejabat CIDB Cawangan Sandakan serta Penyerahan Projek Build Brigade.

3. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YAB Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman yang sudi bersama-sama kita pada hari ini untuk merasmikan majlis pada hari ini dan seterusnya nanti menandatangani plague perasmian Cawangan CIDB di Sandakan dan juga projek CSR Build Brigade untuk membaik

pulih jambatan pejalan kaki di Kampung Nelayan Batu Putih.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

4. Objektif Seminar yang diadakan pada hari ini adalah bertujuan memberi pendedahan kepada penggiat-penggiat industri di Sandakan mengenai peluang latihan kemahiran dan akreditasi yang disediakan oleh Akademi Binaan Sabah. Selain itu, semua peserta turut diberi maklumat yang lengkap mengenai urusan perlesenan dengan Majlis Perbandaran Sandakan dan juga proses pendaftaran kontraktor dengan CIDB.

5. Taklimat yang disampaikan pada hari ini adalah penting bagi memastikan penggiat industri di Sandakan ini boleh melaksanakan projek-projek mereka dengan lebih lancar dan teratur. Melalui sesi ini, para berinteraksi secara terus dengan pegawai-pegawai CIDB dan MPS untuk mendapatkan sebarang penjelasan berkaitan perlaksanaan aktiviti-aktiviti pembinaan yang pada umumnya melibatkan bidang kuasa pelbagai agensi.

Para hadirin sekalian,

6. Kita semua sedia maklum bahawa sektor pembinaan merupakan pemangkin kepada pertumbuhan sektor-sektor ekonomi lain. Pada pertengahan tahun ini 2017 ini sahaja, terdapat 105 projek pembinaan yang bernilai sebanyak RM2.2 billion yang telah mula dilaksanakan di negeri Sabah. Angka ini dijangka akan meningkat berikutan kita masih lagi berada di dalam tahun kedua perlaksanaan Rancangan Malaysia ke-11 dan masih banyak lagi projek-projek yang bakal dilaksanakan sepanjang tempoh RMK-11.

7. Pada 10 September 2015, Perdana Menteri Malaysia YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak telah melancarkan Program Transformasi Industri Pembinaan atau *Construction Industry Transformation Programme* (CITP). Ia merupakan program komprehensif 5 tahun untuk mentransformasikan industri pembinaan dari 2016 hingga 2020 telah dibangunkan dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan dan penggiat industri pembinaan. Program ini adalah sebahagian dari Rancangan Malaysia KeSebelas (RMKe-11) di bawah Bab 8: Merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran iaitu Bidang Fokus D: Mentransformasikan sektor pembinaan.

8. CITP dijangka akan mentransformasikan industri pembinaan ke arah industri yang lebih produktif, mampan,

selamat, berkualiti, profesional dan berdaya saing di peringkat antarabangsa melalui 4 teras utama iaitu:

- i) Kualiti, keselamatan dan Profesionalisme;
- ii) Kemampunan Alam Sekitar;
- iii) Produktiviti; dan
- iv) Pengantarabangsaan.

9. Kesan positif transformasi industri ini akan dapat dilihat dengan peningkatan prestasi industri pembinaan terutama dalam perlaksanaan projek-projek infrastruktur mega yang dirancang di bawah RMK-1, seperti Lebuhraya Pan Borneo.

10. Oleh itu saya menggesa kesemua penggiat industri di negeri Sabah amnya dan di Sandakan ini khasnya, supaya menyahut seruan transformasi ini dengan meningkatkan kapabiliti dan kapasiti masing-masing. Kita perlu memandang kehadapan dan mempelajari kaedah-kaedah pembinaan moden seperti Sistem Pembinaan Berindustri (IBS) dan Building Information Modelling atau BIM yang mampu meningkatkan produktiviti kita ke tahap yang lebih tinggi lagi. Malah, peningkatan prestasi ini akan membolehkan kita bersaing dengan penggiat industri di seluruh negara, mahupun di peringkat antarabangsa.

11. Pada hari ini, kita melihat beberapa penggiat industri telah bermurah hati bekerjasama dengan penduduk Kampung

Nelayan Batu Putih ini untuk memperbaiki jambatan pejalan kaki di kampung tersebut. Syabas saya ucapan kepada semua penyumbang dan juga kepada CIDB dan MPS yang membantu mengelola projek membaikpulih ini. Saya doakan semoga di masa akan datang, lebih ramai lagi usahawan-usahawan berjaya di dalam pembinaan di kawasan ini dan juga seluruh negeri Sabah yang saling berkongsi rezeki dengan cara menyumbang kepada masyarakat setempat.

12. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ketua Menteri Sabah YAB Datuk Seri Panglima Musa bin Haji Aman kerana meluangkan masa untuk bersama kita di dalam majlis ini.

Wabilahitaufik walhidayahh wassalamulaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.